

Ilmu Sains Sukan perlu diaplikasikan, kata Jerome

NST 19.07.2012 21

KENINGAU: Ilmu pengetahuan Sains Sukan perlu diaplikasikan dalam bidang sukan bagi meningkatkan tahap sukan di negeri ini.

Ketua Unit Pembangunan Manusia Pejabat Pelajaran Daerah Keningau, Jerome Jolly berkata, pengetahuan dalam bidang Sains Sukan amat penting bagi seseorang ahli sukan atau atlet untuk melangkah lebih jauh ke peringkat sukan antara bangsa.

Katanya, sudah sampai masanya bagi setiap atlet, jurulatih serta semua individu yang terlibat secara aktif dalam mana-mana acara sukan untuk mengaplikasikan Sains Sukan bagi memantapkan penglibatan mereka dalam bidang sukan.

"Ahli sukan pada hari ini tidak boleh bergantung dengan teknik-teknik yang lama dalam bidang sukan tetapi sebaliknya perlu menerokai teknik-teknik moden yang lebih efektif," katanya semasa berucap merasmikan Bengkel Pengaplikasian Sains Sukan Dalam Bola Sepak yang berlangsung di Dewan Super Cemerlang SMK Keningau II dekat sini pada Selasa.

Menurut Jerome, pengaplikasian ilmu-ilmu Sains Sukan sangat penting diterapkan bagi meningkatkan tahap pencapaian sukan di negeri ini.

"Jika kita lihat kejayaan pasukan bola sepak Sukma 2012 yang berjaya menundukkan pasukan Perak 3 - 0 dan sekali gus merangkul

juara pada saat-saat akhir sudah tentu jurulatih pasukan telah menggunakan teknik-teknik melalui pengetahuan Sains Sukan," jelasnya.

Bengkel berkenaan telah dianjurkan oleh dua orang Pelajar yang mengambil jurusan Sains Sukan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Lawrence Angansuk dan Jimson Ebing dengan kerjasama SMK Keningau II.

Bengkel selama lapan jam berkenaan telah dikendalikan oleh tiga orang penceramah iaitu, Pensyarah Sains Sukan Sekolah Pendidikan dan Pem-

angunan Sosial UMS Patmanathan K Suppiah dan Hasnol Noordin, serta Jurulatih (FAM/AFC Lesen B Malaysia dan Jurulatih Liga KPM Sabah, SP Subramaniam.

Menurut Lawrence, melalui bengkel itu setiap jurulatih pasukan bola sepak sekolah serta pelajar ataupun pemain yang terpilih akan mengetahui serba sedikit tentang pengetahuan Sains Sukan dalam permainan bola sepak untuk diaplikasikan secara efektif.

Katanya, objektif utama bengkel diadakan untuk melahirkan individu berpengala-

man dalam Sains Sukan yang diaplikasikan ke dalam permainan bola sepak dan mendedahkan para peserta tentang teori-teori dan praktikal permainan bola sepak.

Seramai lebih kurang 100 orang peserta mengikuti bengkel berkenaan yang dijalankan secara percuma dan mereka telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan baru yang merangkumi taktik, persediaan, mentaliti dan sebagainya.

**- OLEH
MARUTIN ANSIUNG -
marutin@newsabah-
times.com.my**